BAB 4

Perkembangan Monetari dan Kewangan

153 PERSPEKTIF KESELURUHAN

153 PERKEMBANGAN MONETARI

154 PRESTASI RINGGIT

155 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN

159 PRESTASI PASARAN MODAL

162 PRESTASI FBM KLCI

Sisipan 4.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

166 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM

168 KESIMPULAN

169 RUJUKAN

BAB 4

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Perspektif Keseluruhan

Pasaran kewangan kekal berdaya tahan dalam menghadapi cabaran luaran


Dalam persekitaran global yang kompleks, pasaran kewangan Malaysia kekal berdaya tahan dan teratur dalam menyokong aktiviti ekonomi. Sektor perbankan terus memenuhi keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah manakala pasaran modal menyediakan sumber pendanaan berasaskan pasaran bagi menyokong pengembangan perniagaan dan pelaburan produktif. Pendirian dasar monetari semasa kekal selari dengan prospek kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Perkembangan berterusan kewangan Islam turut memperluas peluang pembiayaan dan pelaburan sekali gus memperkukuh ekosistem kewangan domestik yang pelbagai dan mendalam.

Perkembangan Monetari

Dasar monetari yang stabil menyokong kestabilan harga dan pertumbuhan mampan

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 2.75% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2026 yang tidak berubah sejak pengurangan sebanyak 25 bps pada Julai 2025. Pendirian dasar monetari ini selaras dengan prospek kestabilan harga yang berterusan dan pertumbuhan ekonomi mampan. Aktiviti ekonomi domestik terus disokong oleh asas yang kukuh manakala tekanan inflasi kekal terkawal. Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) dikekalkan pada 1.00% bagi memastikan kecairan mencukupi serta menyokong pengantaraan kewangan yang berkesan dalam sistem perbankan domestik.

RAJAH 4.1. *Paras Kadar Dasar Semalaman (%)*




[1] Akhir September 2026
Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar deposit tetap menyederhana manakala kadar antara bank dan kadar pinjaman secara keseluruhan adalah stabil pada akhir Julai 2026. Kadar deposit tetap bagi tempoh satu bulan dan 12 bulan mencatat penurunan sebanyak 2 dan 10 bps kepada 2.06% dan 2.20% mencerminkan strategi pendanaan bank dalam mengurus kos dana. Kadar antara bank seperti dilaporkan oleh Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan berada pada 3.45% pada Julai selepas mencatat

peningkatan pada separuh pertama 2026 susulan tekanan pendanaan bermusim serta permintaan kecairan yang lebih tinggi. Kadar pinjaman turut kekal stabil dengan Kadar Pinjaman Asas (BLR) tidak berubah pada 6.43% manakala Kadar Asas (BR) berwajaran dan Kadar Pinjaman Purata (ALR) bagi pinjaman terkumpul berada pada 3.39% dan 4.69%. Sementara itu, purata kadar deposit simpanan kekal pada 0.34%.

RAJAH 4.2. *Pelarasan Kadar Dasar Monetari Bank Pusat Terpilih, Januari 2023 – September 2026 (bps)*



Nota: Kadar dasar di Malaysia dan UK kekal tidak berubah dalam tempoh sembilan bulan pertama 2026
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Pendirian dasar monetari dalam kalangan ekonomi utama dan serantau kekal berbeza bagi tempoh Januari – September 2026. Rizab Persekutuan AS (Fed) telah menaikkan kadar dana persekutuan sebanyak 25 bps kepada 3.75% – 4.00% pada September 2026. Bagi rantau ini, Bank Indonesia meningkatkan BI-Rate daripada 4.75% kepada 5.75% sejajar dengan hala tuju dasar menyokong kestabilan rupiah dan membendung tekanan inflasi.

Sebaliknya, Bank of Thailand mengurangkan kadar dasar sebanyak 25 bps. Secara keseluruhan, perbezaan pendirian tersebut mencerminkan keadaan ekonomi domestik yang semakin berbeza dengan beberapa bank pusat cenderung mengetatkan dasar manakala yang lain mengekalkan atau melonggarkan pendirian dasar selaras dengan jangkaan pertumbuhan domestik dan inflasi.

Prestasi Ringgit

Ringgit kekal berdaya tahan dalam mendepani cabaran luaran


Ringgit mengukuh pada awal 2026 dengan peningkatan sebanyak 4.3% berbanding dolar AS dalam tempoh dua bulan pertama tahun tersebut (NEER[1]: +3.2%). Momentum positif tersebut kemudiannya beralih arah susulan konflik Asia Barat yang semakin meruncing pada akhir Februari 2026 dengan ringgit menyusut sebanyak 3.3% berbanding dolar AS sehingga akhir Ogos 2026 (NEER: -2.9%). Walau bagaimanapun, berdasarkan prestasi *year-to-date*, ringgit meningkat sebanyak 0.9% berbanding dolar AS pada akhir Ogos 2026 di samping mengukuh berbanding kebanyakan mata wang utama dan serantau termasuk euro (1.7%), yen Jepun (3.0%), peso Filipina (6.7%), rupiah Indonesia (6.6%) dan baht Thailand (5.1%).

Meskipun berdepan cabaran luaran, kedudukan ekonomi Malaysia yang kukuh serta pelaksanaan pembaharuan struktural berterusan telah mengekalkan keyakinan pasaran sekali gus memberikan sokongan asas kepada ringgit. Selain itu, BNM terus memperkukuh pasaran pertukaran asing domestik melalui libat urus dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat korporat swasta bagi mendorong penghantaran

[1] Merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal (NEER) ringgit yang mengukur prestasi ringgit berbanding sekumpulan mata wang rakan dagang utama Malaysia.

balik dan penukaran pendapatan daripada keuntungan mata wang asing pada masa bersesuaian. Di samping itu, inisiatif untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan secara lebih meluas dengan rakan dagang utama seperti China, Indonesia dan Thailand semakin diterima dalam pasaran. Inisiatif ini membantu mengurangkan kebergantungan kepada penukaran mata wang ketiga, mengurangkan kos transaksi dan lindung nilai serta mempelbagaikan sumber kecairan pertukaran asing dalam pasaran domestik.

RAJAH 4.3. *Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih*
(% year-to-date)



Sumber: Bloomberg

Prestasi Sektor Perbankan


Sektor perbankan kekal utuh dalam menghadapi kejutan dan menyokong pertumbuhan

Sistem perbankan kekal berdaya tahan dalam menghadapi kejutan disokong oleh penampan modal yang teguh serta mudah tunai yang mencukupi untuk penyediaan kredit berterusan kepada isi rumah dan perniagaan. Setakat akhir Julai 2026, Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (CET1), Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal berada pada tahap 14.6%, 15.1% dan 18.2% melepasi paras minimum pengawalseliaan[2]. Kedudukan mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) pada 148.7% dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih (NSFR) pada 114.8%[3]. Kedudukan tersebut mencerminkan keutuhan bank untuk mengurus keperluan kecairan jangka masa pendek serta mengekalkan kestabilan pendanaan dalam jangka masa panjang. Nisbah pinjaman kepada dana kekal stabil pada 82.8% didorong oleh pertumbuhan deposit berterusan merangkumi 73.2% daripada jumlah pendanaan.

Berdasarkan aspek kualiti aset, nisbah pinjaman terjejas kasar yang rendah sebanyak 1.4% pada akhir Julai 2026 menunjukkan bahawa kebanyakan peminjam terus memenuhi obligasi pembayaran balik. Selain itu, nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab kawal selia) dalam sistem perbankan kekal mencukupi pada 125% daripada pinjaman terjejas kasar mencerminkan amalan peruntukan berhemat oleh bank secara berterusan.

[2] Paras minimum Basel III bagi Nisbah CET1 (4.5%), Nisbah Modal Kumpulan 1 (6%) dan Nisbah Jumlah Modal (8%) daripada aset berwajaran risiko (RWA) manakala paras minimum bagi LCR dan NSFR ialah 100%.
[3] Data NSFR dilaporkan secara suku tahunan dan kedudukan terkini adalah setakat Jun 2026.

RAJAH 4.4. *Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar (Akhir tempoh)*



[1] Akhir Julai 2026
Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 5.6% kepada RM2,435.1 bilion pada akhir Julai 2026 disokong oleh pengembangan berterusan pembiayaan kepada sektor perniagaan sebanyak 8%. Permintaan pembiayaan kekal kukuh dengan permohonan dan kelulusan pinjaman mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 10% kepada RM975.7 bilion dan 14.7% kepada RM517.4 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan permintaan kredit adalah bagi tujuan modal kerja. Selain itu, aktiviti pembayaran balik dalam sistem perbankan kembali meningkat sebanyak 3.6% kepada RM1,287.7 bilion sejajar dengan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi sebanyak 4.3% kepada RM1,340.9 bilion.

JADUAL 4.1. *Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman, Januari – Julai 2025 dan 2026*

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2025	2026	2025	2026
Jumlah[1]				
Permohonan pinjaman	887.2	975.7	*5.2*	*10.0*
Kelulusan pinjaman	451.1	517.4	*4.2*	*14.7*
Pengeluaran pinjaman	1,285.8	1,340.9	*0.6*	*4.3*
Pembayaran balik pinjaman	1,243.4	1,287.7	*-1.0*	*3.6*
Pinjaman terkumpul[2]	2,306.0	2,435.1	*5.4*	*5.6*
antaranya:				
Sektor Perniagaan				
Permohonan pinjaman	370.1	441.0	*10.9*	*19.2*
Kelulusan pinjaman	211.9	275.1	*5.7*	*29.8*
Pengeluaran pinjaman	856.1	899.3	*2.4*	*5.1*
Pembayaran balik pinjaman	823.8	848.5	*-0.7*	*3.0*
Pinjaman terkumpul[2]	775.3	837.4	*4.6*	*8.0*
antaranya:				
PKS				
Permohonan pinjaman	205.2	203.0	*7.7*	*-1.1*
Kelulusan pinjaman	99.6	107.8	*-2.7*	*8.2*
Pengeluaran pinjaman	318.3	315.4	*6.2*	*-0.9*
Pembayaran balik pinjaman	300.8	296.0	*3.4*	*-1.6*
Pinjaman terkumpul[2]	403.7	423.4	*7.5*	*4.9*
Sektor Isi Rumah				
Permohonan pinjaman	491.6	507.6	*0.6*	*3.3*
Kelulusan pinjaman	216.8	221.0	*-0.7*	*1.9*
Pengeluaran pinjaman	293.9	303.6	*-0.2*	*3.3*
Pembayaran balik pinjaman	287.8	298.4	*0.8*	*3.7*
Pinjaman terkumpul[2]	1,381.5	1,451.3	*5.8*	*5.1*

[1] Merujuk kepada jumlah pinjaman terkumpul bagi perniagaan, isi rumah, kerajaan, institusi kewangan dan entiti lain
[2] Pada akhir tempoh
Nota: Pinjaman bagi semua segmen termasuk data daripada sistem perbankan. Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Segmen isi rumah merupakan bahagian terbesar daripada jumlah pinjaman sistem perbankan khususnya bagi pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang. Pada akhir Julai 2026, permohonan pinjaman meningkat sebanyak 3.3% kepada RM507.6 bilion dengan kelulusan dan pengeluaran pinjaman kembali pulih sebanyak 1.9% kepada RM221 bilion dan 3.3% kepada RM303.6 bilion. Prestasi pembayaran balik pinjaman meningkat sebanyak 3.7% kepada RM298.4 bilion selaras dengan pertumbuhan pendapatan yang stabil dan kapasiti pembayaran hutang oleh isi rumah. Melangkah ke hadapan, pembiayaan isi rumah dijangka terus disokong oleh keadaan pasaran buruh yang stabil, perbelanjaan isi rumah yang berterusan serta langkah dasar berkaitan pendapatan termasuk pelaksanaan fasa kedua Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Persekitaran pembiayaan kekal kondusif disokong oleh akses berterusan kepada pembiayaan, aliran kredit yang berdaya tahan serta sokongan dasar yang mampan. Pada akhir Julai 2026, aktiviti pembiayaan dalam segmen perniagaan kekal kukuh disokong oleh permintaan berterusan bagi pinjaman untuk tujuan modal kerja dan pelaburan. Permohonan pinjaman meningkat sebanyak 19.2% kepada RM441 bilion manakala kelulusan pinjaman mencatat pertumbuhan sebanyak 29.8% kepada RM275.1 bilion mencerminkan keperluan pembiayaan yang lebih tinggi. Pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat sebanyak 5.1% kepada RM899.3 bilion dengan PKS merangkumi 35.1% dalam tempoh tersebut. Pertumbuhan pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi dicatatkan dalam sektor E&E dan ICT.

JADUAL 4.2. *Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2025 dan 2026*

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2025	2026	2025	2026
Sektor Perniagaan	**775.3**	**837.4**	***33.6***	***34.4***
Bukan PKS	369.8	410.7	*16.0*	*16.9*
PKS	403.7	423.4	*17.5*	*17.4*
Sektor terpilih				
Pertanian primer	29.9	27.7	*3.9*	*3.3*
Perlombongan dan kuari	8.8	8.3	*1.1*	*1.0*
Pembuatan	137.3	146.3	*17.7*	*17.5*
Pembinaan	95.3	103.8	*12.3*	*12.4*
Bekalan elektrik, gas dan air	23.2	28.0	*3.0*	*3.3*
Perdagangan borong dan runcit	165.1	174.6	*21.3*	*20.8*
Hotel dan restoran	22.2	22.9	*2.9*	*2.7*
Pengangkutan dan penyimpanan	33.2	33.0	*4.3*	*3.9*
Maklumat dan komunikasi	26.2	36.2	*3.4*	*4.3*
Aktiviti kewangan, insurans, hartanah dan perniagaan	206.3	226.9	*26.6*	*27.1*
Sektor Isi Rumah	**1,381.5**	**1,451.3**	***59.9***	***59.6***
antaranya:				
Pembelian harta tanah kediaman	865.4	912.4	*62.6*	*62.9*
Pembelian harta tanah bukan kediaman	86.1	90.6	*6.2*	*6.2*
Pembelian kereta penumpang	206.6	219.2	*15.0*	*15.1*
Kad kredit	47.4	49.0	*3.4*	*3.4*
Kegunaan persendirian	119.4	120.9	*8.6*	*8.3*
Pembelian sekuriti	56.3	58.5	*4.1*	*4.0*
Lain-lain	0.3	0.7	*0.0*	*0.1*
Sektor lain	**149.2**	**146.4**	***6.5***	***6.0***
Jumlah[1]	**2,306.0**	**2,435.1**	***100.0***	***100.0***

[1] Merujuk kepada jumlah pinjaman terkumpul kepada perniagaan, isi rumah, kerajaan, institusi kewangan dan entiti lain
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Setakat Jun 2026, hutang isi rumah Malaysia berjumlah RM1,754.2 bilion atau 83.2% daripada KDNK iaitu penurunan daripada 84.7% pada akhir 2025 berikutan pertumbuhan KDNK nominal yang lebih kukuh. Pertumbuhan hutang isi rumah turut menyederhana dan sejajar dengan trend terdahulu terutamanya didorong oleh pembiayaan bagi harta tanah kediaman dan kereta penumpang yang secara kolektif merangkumi 75.3% daripada jumlah hutang isi rumah. Walaupun paras hutang kekal tinggi, namun kedudukan kewangan isi rumah terus kukuh disokong oleh pemilikan aset yang teguh dan nilai kewangan bersih yang baik.

Keupayaan pembayaran balik hutang isi rumah kekal kukuh disokong oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan serta pertumbuhan pendapatan yang stabil. Median nisbah khidmat hutang (DSR) berada pada 32.1% dengan median DSR bagi semua kumpulan pendapatan kekal di bawah paras 60% manakala median nisbah hutang kepada pendapatan kekal stabil pada 1.3 kali. Nisbah pinjaman isi rumah terjejas turut kekal rendah pada 1.1%. Penunjuk tersebut mencerminkan keupayaan kewangan isi rumah yang mencukupi untuk memenuhi obligasi hutang sekali gus mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan secara keseluruhan.

Melangkah ke hadapan, risiko kredit isi rumah dijangka kekal stabil dan terkawal. Kerajaan dan BNM terus menggalakkan amalan pembiayaan isi rumah yang mampan melalui pengunderaitan yang berhemat serta penilaian keupayaan pinjaman selaras dengan keperluan dan garis panduan BNM. Kemudahan pembayaran balik bersasar turut disediakan kepada peminjam yang menghadapi kekangan kewangan. Usaha memperkukuh pengurusan risiko kredit secara awalan akan diteruskan oleh BNM melalui keperluan yang dipertingkatkan bagi menggalakkan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab dan pengunderaitan yang peka terhadap risiko. Mulai 1 Januari 2027, pengguna perkhidmatan kewangan yang memohon pembiayaan peribadi baharu melebihi RM100,000 wajib melengkapkan modul pendidikan kewangan yang dikendalikan oleh penyedia perkhidmatan kewangan atau Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Penyedia perkhidmatan kewangan juga dikehendaki menggunakan DSR berhemat dan menetapkan ambang minimum pendapatan boleh guna bersih dengan mengambil kira tahap pendapatan serta kemampuan isi rumah peminjam. Langkah tersebut dilengkapi dengan inisiatif Rangkaian Pendidikan Kewangan (FEN) di bawah Strategi Nasional Literasi Kewangan 2026 – 2030 bagi meningkatkan keupayaan kewangan dan daya tahan isi rumah dalam jangka masa panjang.

Pada masa yang sama, penggunaan pembiayaan dan kaedah pembayaran alternatif termasuk kemudahan Beli Sekarang Bayar Kemudian (BNPL) terus meningkat. Kemudahan tersebut memberikan fleksibiliti kepada pengguna dalam mengurus pembelian dan aliran tunai jangka masa pendek. Walau bagaimanapun, penggunaan pelbagai kemudahan kredit secara serentak boleh meningkatkan komitmen kewangan. Keadaan ini menekankan keperluan kepada pengguna untuk menilai keupayaan pembayaran balik sebelum mengambil komitmen kewangan tambahan di samping menegaskan kepentingan pengurusan kewangan berhemat.

Prestasi Pasaran Modal

Aktiviti pemerolehan dana pasaran modal semakin rancak

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal domestik kekal rancak sepanjang tujuh bulan pertama 2026 disokong oleh permintaan pelabur yang berterusan dan keadaan pasaran domestik yang kondusif. Pemerolehan dana kasar sektor swasta meningkat sebanyak 58.9% kepada RM120.7 bilion didorong oleh aktiviti pasaran ekuiti dan bon korporat yang aktif. Dana kasar yang diperoleh daripada pasaran ekuiti berkembang sebanyak 34.4% kepada RM5.8 bilion manakala terbitan bon korporat melonjak sebanyak 60.4% kepada RM114.9 bilion.

Syarikat terus memanfaatkan pasaran modal hutang untuk mempelbagaikan sumber pendanaan dan mendapatkan pembiayaan jangka panjang. Keadaan pendanaan yang menggalakkan turut memudah cara pembiayaan berasaskan pasaran bagi penerbit yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Nota jangka pertengahan kekal sebagai instrumen utama merangkumi 96.9% daripada jumlah terbitan bon korporat. Aktiviti terbitan tertumpu dalam sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (65.6%); pembinaan (13.5%); serta elektrik, gas dan air (11.4%).

Bagi tempoh tujuh bulan pertama 2026, sebanyak 42 tawaran awam permulaan (IPO) merentas pelbagai sektor berjaya mengumpul RM5.8 bilion. Prestasi ini mencerminkan minat berterusan terhadap pembiayaan pasaran ekuiti apabila syarikat memperoleh modal untuk mengembangkan operasi dan meneroka peluang pelaburan baharu. Momentum ini turut disokong oleh usaha berterusan Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi meningkatkan akses pasaran, memperkemas proses penyenaraian serta memudah cara pemerolehan dana melalui pasaran ekuiti.

Pemerolehan dana sektor swasta turut didorong oleh momentum pelaburan yang berterusan terutamanya dalam semikonduktor,

JADUAL 4.3. *Pemerolehan Dana dalam Pasaran Modal,*
Januari – Julai 2025 dan 2026

	RM JUTA	
	2025	**2026**
Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	47,599.6	55,419.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	54,830.7	55,191.5
Terbitan baharu sekuriti hutang	**102,430.3**	**110,610.5**
Tolak: Penebusan	19,720.0	53,953.3
Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam	**82,710.3**	**56,657.2**
Sektor Swasta		
Saham[1]/Waran		
Tawaran Awam Permulaan	4,279.2	5,751.1
Terbitan Hak	-	-
Waran	-	-
Terbitan baharu saham/ waran	**4,279.2**	**5,751.1**
Sekuriti hutang[2]		
Bon biasa	402.0	870.5
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	1,956.3	2,725.0
Nota jangka pertengahan	69,297.7	111,323.7
Terbitan baharu sekuriti hutang	**71,655.9**	**114,919.2**
Tolak: Penebusan	44,244.7	72,149.4
Terbitan bersih sekuriti hutang	**27,411.2**	**42,769.8**
Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta	**31,690.4**	**48,521.0**
Jumlah pemerolehan dana bersih	**114,400.7**	**105,178.1**

[1] Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus
[2] Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

infrastruktur digital, pusat data dan pengkomputeran awan serta pembuatan termaju dan aktiviti bernilai tinggi yang lain. Inisiatif Kerajaan di bawah Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan pembangunan berkaitan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) turut memberikan sokongan kepada pemerolehan dana swasta. Selain itu, keperluan pembiayaan bagi projek infrastruktur dan pembangunan utama di bawah Belanjawan 2026 dan Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 (RMK13) dijangka terus menyokong aktiviti terbitan apabila projek memasuki fasa pelaksanaan.

Pemerolehan dana kasar sektor awam melalui Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) meningkat sebanyak 8% kepada RM110.6 bilion berbanding RM102.4 bilion dalam tempoh yang sama pada 2025. Terbitan MGS dan MGII berjumlah RM55.4 bilion dan RM55.2 bilion bagi memenuhi keperluan pembiayaan defisit serta pembiayaan semula Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, penebusan yang lebih tinggi mengurangkan jumlah pemerolehan dana bersih sektor awam kepada RM56.7 bilion. Permintaan terhadap sekuriti kerajaan kekal kukuh disokong oleh tahap simpanan domestik yang tinggi dan asas pelabur yang luas. Program pembiayaan Kerajaan terus berpandukan pengurusan hutang yang berhemat dan objektif konsolidasi fiskal.

Melangkah ke hadapan, pasaran modal domestik dijangka terus menyokong keperluan pembiayaan bagi sektor awam dan swasta. Pemerolehan dana korporat dijangka kekal kukuh disokong oleh keperluan pembiayaan untuk pengembangan perniagaan dan pelaburan terutamanya dalam infrastruktur, pembinaan, utiliti dan aktiviti berkaitan teknologi. Pelan Induk Pasaran Modal 2026 – 2030 (CMP) yang dilancarkan oleh SC pada Mac 2026 akan terus memangkin pembentukan modal dengan merancakkan pasaran dan meningkatkan nilai pasaran modal domestik. Pelaksanaan keutamaan pembangunan negara yang berterusan serta projek pelaburan berbilang tahun dijangka menjana lebih banyak peluang pembiayaan. Selain itu, rangka kerja pengawalseliaan bersama yang baru diwujudkan antara Malaysia dengan Hong Kong berkaitan dwipenyenaraian IPO dan pengiktirafan bersama dana pelaburan terpilih dijangka meningkatkan kesalinghubungan pasaran modal rentas sempadan, meluaskan peluang pelaburan serta memperkukuh daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pemerolehan dana dan pelaburan. Sementara itu, terbitan bersih sekuriti Kerajaan dijangka menyederhana selari dengan usaha konsolidasi fiskal yang berterusan sekali gus memperkukuh kapasiti pasaran modal untuk menggerakkan dana jangka panjang bagi pelaburan produktif dan pertumbuhan ekonomi yang mampan.


JADUAL 4.4. *Terbitan Baharu Bon Korporat mengikut Sektor, Januari – Julai 2025 dan 2026*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2025	**2026**	**2025**	**2026**
Pertanian, perhutanan dan perikanan	72.9	200.0	*0.1*	*0.2*
Pembuatan	738.7	1,100.6	*1.0*	*1.0*
Pembinaan	7,566.0	15,503.1	*10.6*	*13.5*
Elektrik, gas dan air	4,480.0	13,134.0	*6.3*	*11.4*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	1,036.0	3,440.0	*1.4*	*3.0*
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	55,416.2	75,339.1	*77.3*	*65.6*
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	1,944.6	4,977.9	*2.7*	*4.3*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	401.5	1,224.5	*0.6*	*1.1*
Perlombongan dan kuari	0.0	0.0	*0.0*	*0.0*
Jumlah	**71,655.9**	**114,919.2**	***100.0***	***100.0***

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin
Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

Sepanjang tujuh bulan pertama 2026, kadar hasil MGS meningkat berikutan ketidaktentuan yang meningkat dalam pasaran bon global. Kadar hasil bagi tempoh matang 1, 3, 5 dan 10 tahun meningkat secara umum sekitar 20 hingga 30 bps kepada 3.1%, 3.3%, 3.5% dan 3.7% pada akhir Julai 2026 berbanding paras akhir 2025.


RAJAH 4.5. *Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia*
(Akhir tempoh)



[1] Akhir Julai 2026
Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan kadar hasil MGS sebahagian besarnya mencerminkan ketidaktentuan luaran dan perkembangan pasaran bon global. Harga tenaga yang lebih tinggi berikutan konflik Asia Barat yang berpanjangan telah meningkatkan jangkaan inflasi manakala keadaan ekonomi yang berdaya tahan di negara maju mengukuhkan jangkaan bahawa kadar faedah akan kekal tinggi untuk tempoh yang lebih panjang. Secara keseluruhan, perkembangan tersebut meningkatkan tekanan terhadap kadar hasil bon global termasuk MGS. Walau bagaimanapun, kenaikan kadar hasil MGS secara relatif kekal terkawal berbanding pasaran serantau disokong oleh permintaan berterusan daripada pelabur domestik dan asing. Penyertaan pelabur asing turut kekal menggalakkan dengan aliran masuk bersih asing dalam pasaran bon berjumlah RM3.4 bilion bagi tempoh Januari hingga Julai 2026 sekali gus mengekalkan trend positif yang direkodkan pada 2025. Prestasi ini didorong oleh persekitaran kadar faedah Malaysia yang stabil serta keadaan domestik yang menggalakkan. Melangkah ke hadapan, pegangan asing dalam MGS dijangka kekal stabil pada 2027 dipacu oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh, langkah pembaharuan berterusan Kerajaan dan persekitaran kadar faedah yang stabil. Namun begitu, perubahan keadaan kewangan global dan perkembangan luaran yang tidak menentu akan terus mempengaruhi aliran modal.


RAJAH 4.6. *Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul*
(Akhir tempoh)



[1] Akhir Julai 2026
Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon korporat mencatat pergerakan bercampur merentas kategori penarafan sepanjang tujuh bulan pertama 2026 dengan bon korporat 5 tahun bertaraf AAA dan AA meningkat sekitar 11 dan 7 bps. Kenaikan tersebut kekal terkawal secara relatif berbanding kadar hasil MGS 5 tahun menunjukkan daya tahan pasaran bon korporat dalam persekitaran kadar faedah yang meningkat. Sementara itu, kadar hasil indikatif bon 5 tahun bertaraf A berkurang sebanyak 11 bps manakala kadar hasil bon 5 tahun bertaraf BBB menyusut sebanyak 59 bps berikutan permintaan kukuh terhadap instrumen kredit dengan kadar hasil yang lebih tinggi.

RAJAH 4.7. *Kadar Hasil Bon Korporat 5 Tahun (Akhir tempoh)*



[1] Akhir Julai 2026
Sumber: Bank Negara Malaysia


Secara keseluruhan, pasaran bon Malaysia kekal berdaya tahan sepanjang tujuh bulan pertama 2026 disokong oleh asas pelabur institusi domestik yang kukuh serta keadaan ekonomi yang teguh. Permintaan terhadap sekuriti Kerajaan kekal menggalakkan manakala penerbit korporat terus mempunyai akses kepada pembiayaan berasaskan pasaran.

Prestasi FBM KLCI

FBM KLCI kekal berdaya tahan


Bagi tempoh lapan bulan pertama 2026, FBM KLCI mencatat prestasi bercampur. Indeks ini dibuka pada 1,680.11 mata pada awal tahun dan mencapai paras tertinggi dalam tempoh tujuh tahun kepada 1,771.25 mata pada 27 Januari dan seterusnya menyusut berikutan ketegangan geopolitik yang kian meruncing. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti domestik kembali mengukuh dengan FBM KLCI meningkat sebanyak 3.7% bulan ke bulan kepada 1,724.90 mata pada akhir Julai berbanding 1,664.06 mata pada akhir Jun. Prestasi ini disokong oleh peningkatan semula minat pelabur di samping sentimen serantau yang bertambah baik. Indeks ditutup pada 1,725.88 mata pada akhir Ogos dengan mencatat peningkatan *year-to-date* sebanyak 2.7% meskipun ketidaktentuan global yang kembali memuncak mengehadkan kenaikan indeks. Sementara itu, permodalan pasaran mencapai RM2,191.73 bilion manakala jumlah urus niaga dan nilai dagangan bagi tempoh lapan bulan pertama mencatat 567 bilion unit dan RM540.9 bilion sekali gus menggambarkan daya tahan pasaran ekuiti domestik.

RAJAH 4.8. *Prestasi Bursa Malaysia*



[1] Akhir Ogos 2026
[2] Akhir tempoh
Sumber: Bursa Malaysia

RAJAH 4.9. *Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)*



Sumber: Bloomberg

Pelbagai inisiatif pasaran modal yang sedang dilaksanakan termasuk langkah di bawah CMP seperti Program MY Value Up serta penambahbaikan indeks FBM KLCI dan FBM70 akan terus memperkukuh kerancakan dan daya saing pasaran. Peluasan FBM KLCI daripada 30 kepada 50 konstituen akan dilaksanakan secara berperingkat dari Disember 2026 hingga Jun 2027. Langkah ini akan memperluas liputan permodalan Pasaran Utama serta meningkatkan perwakilan mengikut sektor. Selain itu, semakan segmentasi pasaran akan memperjelas struktur pasaran awam, meningkatkan kualiti penyenaraian serta menyediakan laluan yang lebih tersusun bagi syarikat untuk beralih daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama. Secara keseluruhan, inisiatif tersebut akan memperluas peluang pelaburan, meningkatkan penyertaan pasaran serta memudah cara mobilisasi modal yang lebih berkesan bagi menyokong pembangunan ekonomi Malaysia yang mampan.

JADUAL 4.5. *Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir Ogos 2025 dan 2026*

	2025	2026
Indeks		
FBM KLCI	1,575.12	1,725.88
FBM EMAS	11,702.89	12,764.63
FBM 100	11,474.57	12,574.85
FBM SCAP	15,739.94	16,118.07
FBM ACE	4,722.02	5,249.38
Jumlah urus niaga[1]		
Bilangan (juta unit)	530,875.72	567,043.63
Nilai (RM juta)	429,542.89	540,893.66
Purata urus niaga harian[1]		
Bilangan (juta unit)	3,277.01	3,544.02
Nilai (RM juta)	2,651.50	3,380.59
Permodalan pasaran (RM bilion)	**1,950.31**	**2,191.73**
Bilangan syarikat disenaraikan		
Pasaran Utama	787	814
Pasaran ACE	229	265
Pasaran LEAP	47	51
Kecairan pasaran		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	*22.0*	*24.7*
Penumpuan pasaran		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	*32.0*	*32.6*

[1] Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga Ogos
Sumber: Bursa Malaysia

SISIPAN 4.1

Inisiatif Utama Pasaran Modal

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif utama dalam tempoh lapan bulan pertama 2026 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan pasaran modal Malaysia. Langkah tersebut adalah seperti berikut:

1 Indeks Berasaskan Prestasi Kewangan Pertama Bursa Malaysia untuk Memperkukuh Pelaburan Berteraskan Kualiti

12 JAN

Indeks Bursa Malaysia Quality 50 (BMQ) dan Indeks Bursa Malaysia Quality 50 Shariah (BMQ-S) merupakan indeks pertama Bursa Malaysia berasaskan prestasi kewangan bagi meningkatkan keterlihatan syarikat tempatan yang berdaya tahan. Indeks baharu tersebut mengenal pasti 50 syarikat Pasaran Utama dan Pasaran ACE di luar Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) berdasarkan keuntungan, struktur modal serta kualiti pendapatan sekali gus menyediakan penanda aras seragam untuk membantu pelabur mengenal pasti syarikat yang mempunyai asas kukuh. Indeks tersebut memperluas peluang pelaburan berkualiti, memperkukuh keyakinan pelabur dan menyokong pasaran ekuiti Malaysia yang lebih rancak.



2 Bursa Sosial Pertama Malaysia untuk Memperkukuh Capaian kepada Pembiayaan Impak Sosial

12 FEB



Platform Bursa Sosial pertama Malaysia iaitu Impakrintas mula beroperasi pada 19 Februari 2026 dengan menyediakan saluran yang dikawal selia dan telus bagi membolehkan pertubuhan bukan berasaskan keuntungan (NPO) mengumpul dana projek berimpak sosial yang layak di samping membolehkan penderma mendapatkan perincian penggunaan sumbangan tersebut. Kerajaan memperuntukkan geran sebanyak RM2 juta yang diurus oleh SC bagi menampung sebahagian kos penyertaan dan pengumpulan dana oleh NPO. Sumbangan menerusi platform ini layak mendapat layanan cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Impakrintas memperkukuh kerjasama sektor awam dan swasta dalam pembiayaan impak sosial. Inisiatif ini akan diperluas secara berperingkat merangkumi perusahaan sosial, inisiatif berasaskan komuniti dan saluran lain berasaskan pasaran yang menyokong outcome sosial dan daya tahan iklim.

3 Pelan Induk Pasaran Modal 2026 – 2030 untuk Memacu Transformasi Pasaran Modal Malaysia

9 MAC

Pelan Induk Pasaran Modal 2026 – 2030 (CMP) menggariskan strategi lima tahun bagi mengembangkan saiz pasaran modal kepada antara RM5.8 trilion – RM6.3 trilion menjelang 2030 di samping memperkukuh peranan Malaysia sebagai peneraju dalam kewangan Islam melalui inovasi berteraskan Maqasid Syariah. Pelan ini memperkenalkan 56 inisiatif strategik bagi merancakkan pasaran, memperluas capaian modal, meningkatkan peluang pelaburan, memacu kewangan mampan dan kewangan Islam serta memperkukuh kesalinghubungan pasaran serantau. Selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI, CMP dijangka meningkatkan pertumbuhan pasaran modal pada kadar tahunan dikompaun sebanyak 6% – 8%. Inisiatif ini mengoptimumkan penilaian pasaran dan menggerakkan pembiayaan peralihan iklim di samping memperluas capaian masyarakat kepada peluang penciptaan kekayaan.



4 Skim Ekonomi Perak dan Insentif Perkongsian Keuntungan yang Diterajui Modal Teroka di bawah MyCIF untuk Meningkatkan Capaian Pembiayaan PMKS

16 MAC



Malaysia Co-Investment Fund (MyCIF) yang diselia oleh SC telah melancarkan dua inisiatif pembiayaan utama dengan peruntukan berjumlah RM50 juta bagi memacu pertumbuhan PMKS. Dana ini memperkenalkan Skim Ekonomi Perak untuk menyalurkan pembiayaan alternatif berfokuskan kepada penyelesaian teknologi penjagaan, perkhidmatan kesihatan khusus dan kehidupan warga emas. Menerusi Insentif Perkongsian Keuntungan VC/PE, MyCIF akan berkongsi 50% keuntungan pelupusan pelaburan berkenaan dengan firma modal teroka (VC) dan ekuiti persendirian (PE) yang menerajui urus niaga di platform pendanaan ekuiti awam (ECF). Langkah ini merapatkan jurang pembiayaan peringkat awal serta membina saluran penjanaan kekayaan yang kukuh selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI.

5 Makmal Inovasi ICM bagi Memacu Inovasi Pasaran Modal Islam Berteraskan Maqasid Syariah

26 MAC

Makmal Inovasi Pasaran Modal Islam (FIKRALab) ditubuhkan oleh SC di bawah CMP sebagai platform penciptaan bersama dan R&D gunaan yang berstruktur bagi membangunkan produk dan instrumen pasaran modal Islam (ICM) baharu. Berteraskan Maqasid Syariah serta berpandukan prinsip halal dan *toyyib*, FIKRALab memperluas inovasi ICM melangkaui bidang teknologi kewangan dengan memperkukuh kerjasama antara SC dengan industri dalam penjanaan idea, penyelidikan, reka bentuk produk dan ujian rintis. Komponen utama FIKRALab termasuk klinik Maqasid Syariah bertujuan menilai dan menambah baik produk ICM sedia ada. Inisiatif ini juga akan memperkukuh hubung kait ekonomi sebenar bermula dengan projek rintis untuk membangunkan instrumen inovatif bagi memanfaat pendapatan berlandaskan syariah dalam kumpulan aktiviti bercampur. Kohort pertama FIKRALab dijangka bermula pada suku keempat 2026 berfokuskan produk dan perkhidmatan ICM generasi baharu, kewangan sosial dan modal sosial Islam serta pembiayaan mampan dan peralihan.



6 Peluncuran Indeks HKEX Bursa Malaysia Large Cap bagi Memperkukuh Kesalinghubungan Pasaran Serantau

27 MAC



Bursa Malaysia dan Hong Kong Exchanges and Clearing Limited (HKEX) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperkukuh kesalinghubungan pasaran serantau melalui pengenalan Indeks HKEX Bursa Malaysia Large Cap sebagai inisiatif pertama kerjasama tersebut. Indeks ini menjejaki prestasi 60 syarikat utama tersenarai di pasaran tersebut yang terdiri daripada 30 konstituen bagi setiap pasaran dengan wajaran indeks sekitar 40% bagi Malaysia dan 60% bagi Hong Kong. Langkah ini menyediakan penanda aras rentas pasaran baharu kepada pelabur serta menyokong pembangunan produk dana dagangan bursa (ETF) pada masa hadapan. Inisiatif ini turut membuka peluang kerjasama dalam dwipenyenaraian, produk patuh syariah dan pasaran karbon sekali gus meningkatkan profil pasaran antarabangsa Malaysia.

7 Pengelasan Semula Data Urus Niaga Ekuiti bagi Meningkatkan Ketelusan Segmentasi Pelabur

6 APR



Bursa Malaysia melaksanakan pengelasan semula data urus niaga ekuiti secara rasmi pada 6 April 2026 bagi meningkatkan ketelusan serta menyediakan maklumat lebih terperinci mengenai aliran dana pelabur runcit dan institusi. Di bawah rangka kerja pelaporan baharu ini, akaun penama kini dikategorikan secara tepat pada peringkat urus niaga berdasarkan maklumat penerima manfaat akhir dan bukan dikelompokkan ke dalam data pelabur institusi. Sementara itu, institusi milikan asing yang diperbadankan di Malaysia diperincikan mengikut sumber asal dana untuk mencerminkan aktiviti pasaran sebenar secara lebih tepat. Kemaskini berstruktur ini tidak mengubah jumlah nilai urus niaga harian. Pengelasan semula ini akan menyediakan data yang tepat kepada pelabur dan pemain pasaran bagi menyokong keputusan pelaburan yang termaklum.

8 Program MY Value Up untuk Meningkatkan Penilaian Korporat dan Daya Tarikan Pasaran Syarikat Senaraian Awam Malaysia

20 APR

Bursa Malaysia dan SC melancarkan Program MY Value Up di bawah CMP bagi memperkukuh penciptaan nilai korporat jangka masa panjang dalam kalangan syarikat senaraian awam (SSA) Malaysia. Pada peringkat awal, program ini menyasarkan 88 SSA utama yang mewakili sekitar 80% daripada jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia. Program ini bertujuan menggalakkan syarikat menzahirkan strategi pertumbuhan secara jelas, meningkatkan pendedahan hala tuju serta memperkukuh hubungan dengan pelabur. Inisiatif ini menyokong penilaian korporat yang lebih kukuh, meningkatkan daya tarikan pasaran Malaysia dan menempatkan syarikat tempatan sebagai pilihan pelaburan berdaya saing pada peringkat global.



9 Projek Rintis Sukuk Bertoken untuk Mempercepat Inovasi Digital dalam Pasaran Modal Islam

28 APR



Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama SC telah berjaya melaksanakan penetapan harga bagi sukuk pertama yang ditokenkan di Malaysia dengan nilai RM100 juta di bawah Program Sukuk Danum. Pelaksanaan projek rintis ini menggunakan Teknologi Lejar Teragih (DLT) untuk mewujudkan representasi sukuk digital yang selamat dan tidak boleh dipinda serta membolehkan capaian kepada maklumat berkaitan secara berterusan. Inisiatif ini menyediakan persekitaran yang terkawal dan diyakini untuk menguji potensi tokenisasi dalam meningkatkan kecekapan dan ketelusan, memperluas penyertaan pasaran serta menyokong pasaran modal yang lebih rancak. Inisiatif ini turut menyediakan asas kawal selia dan pasaran bagi penerbitan instrumen bertoken pada masa hadapan seterusnya memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju inovasi ICM.

10 Kajian Semula Segmentasi Pasaran bagi Memperkukuh Rangka Kerja Pasaran Awam

28 MEI

Garis Panduan Ekuiti di bawah CMP telah disemak semula bagi memperkukuh rangka kerja pasaran awam dengan menambah baik fungsi dan peranan khusus Pasaran Utama dengan Pasaran ACE. Rangka kerja ini mengetatkan kemasukan ke Pasaran Utama dengan menambah baik syarat keuntungan yang lebih tinggi, piawaian pelaporan kewangan, fleksibiliti dalam penilaian aliran tunai operasi serta peluasan kelayakan bagi penyenaraian berasaskan infrastruktur. Sementara itu, Pasaran ACE diperkukuh sebagai platform dipacu penaja bagi syarikat untuk berkembang dengan syarat penyenaraian yang ditambah baik termasuk rekod prestasi pascapenyenaraian sekurang-kurangnya dua tahun sebelum beralih ke Pasaran Utama. Penambahbaikan ini meningkatkan kualiti penyenaraian dan perlindungan pelabur serta menyokong syarikat pada pelbagai peringkat pertumbuhan.



11 CoSIF NIMP Memperluas Sokongan Pendigitalan melalui Skim Pembuatan Pintar Baharu

21 JUL



Skim Pembuatan Pintar baharu di bawah Dana Pelaburan Bersama Strategik Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (CoSIF NIMP) dilancarkan oleh MITI dan SC bagi mempercepat automasi dan penerapan Industri 4.0 dalam kalangan PKS serta syarikat peringkat pertengahan (MTC[1]). Skim ini menawarkan nisbah pelaburan Kerajaan kepada swasta sebanyak 2:1 sehingga 2030. Kerajaan menyumbang sebanyak RM2 bagi setiap RM1 pelaburan diperoleh menerusi platform ECF dan antara rakan setara (P2P) kepada syarikat yang melabur dalam robotik, kecerdasan buatan dan penyelesaian digital. Selain itu, nisbah pelaburan bersama bagi sektor lain ditingkatkan sementara daripada 1:2 kepada 1:1 sehingga akhir 2027. Langkah ini bertujuan menyediakan sokongan pembiayaan segera untuk memperkukuh daya tahan industri serta meningkatkan skala perusahaan tempatan.

12 SC dan Hong Kong SFC Meterai MoU Bersejarah untuk Memperkukuh Kerjasama dan Kesalinghubungan Pasaran Modal

23 JUL

Memorandum persefahaman telah dimeterai oleh SC bersama Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan Hong Kong (SFC) bagi memperkukuh kerjasama kawal selia dan kesalinghubungan pasaran modal antara Malaysia dengan Hong Kong. Inisiatif ini menyokong aspirasi CMP untuk menempatkan Malaysia sebagai gerbang utama peluang pelaburan serantau. Memorandum ini memperluas pengiktirafan bersama dan penyenaraian silang termasuk ETF dan amanah pelaburan hartanah (REIT). Rangka kerja dwipenyenaraian IPO turut dipermudah menerusi penggunaan satu set dokumen penyerahan dan membolehkan SSA Malaysia yang layak untuk memohon penyenaraian sekunder di Hong Kong berkuat kuasa September 2026. Kerjasama ini meningkatkan peluang pelaburan, memperluas capaian modal serta memperkukuh penyertaan rentas sempadan.



13 Penambahbaikan Indeks FBM KLCI dan FBM70 bagi Mencerminkan Pasaran Ekuiti yang Lebih Luas dan Pelbagai

20 OGOS



Bursa Malaysia dan FTSE Russell telah memperkenalkan penambahbaikan pada FBM KLCI dan Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid 70 (FBM70) bagi memastikan indeks penanda aras utama Malaysia kekal mewakili pasaran, boleh labur serta selaras dengan keperluan pelabur domestik dan antarabangsa. Perluasan FBM KLCI daripada 30 kepada 50 konstituen sekali gus meningkatkan liputan permodalan Pasaran Utama daripada sekitar 60% kepada 70% dan representasi merentas sektor. Berdasarkan simulasi oleh FTSE Russell, indeks yang diperluas akan merangkumi sektor Teknologi, Tenaga dan REIT buat julung kalinya di samping mengurangkan penumpuan dalam sektor Perkhidmatan Kewangan. Sementara itu, FBM70 akan dikurangkan kepada 50 konstituen dan dinamakan semula sebagai Indeks FTSE Bursa Malaysia Mid Cap. Penambahbaikan ini akan dilaksanakan secara berfasa mulai 21 Disember 2026 dan dijangka selesai pada 21 Jun 2027.

[1] Syarikat peringkat pertengahan (MTC) ditakrifkan sebagai syarikat dengan pendapatan tahunan antara RM50 juta hingga RM500 juta dalam sektor pembuatan serta antara RM20 juta hingga RM500 juta dalam sektor perkhidmatan dan sektor lain.

Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

Kewangan Islam menunjukkan pertumbuhan yang berdaya tahan dan berterusan

Kewangan Islam merupakan tonggak utama dalam pembangunan sektor kewangan Malaysia serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan. Peranan ini melangkaui pengembangan sektor kewangan dengan turut menyokong pembangunan PKS, daya tahan isi rumah, daya saing sektor halal, kewangan mampan serta kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global. Setakat Julai 2026, pembiayaan Islam mengukuh sebanyak 7.9% kepada RM1,076.4 bilion atau 44.4%[4] daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan sektor perbankan. Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh sektor isi rumah yang membentuk 63.1% daripada jumlah pembiayaan Islam dan meningkat sebanyak 7.1% kepada RM678.9 bilion. Pembiayaan kepada sektor perniagaan pula disokong oleh pertumbuhan kukuh dalam segmen hartanah yang melonjak sebanyak 33.5% kepada RM54.5 bilion. Sektor perbankan Islam kekal berdaya tahan dan berada pada kedudukan yang baik untuk terus menyokong pertumbuhan ekonomi dengan nisbah modal keseluruhan 18.5% dan LCR sebanyak 145.1%.

Kerajaan melalui BNM terus menerajui kewangan berasaskan nilai bagi mencapai outcome sosioekonomi yang bermakna melalui peningkatan inovasi dan penerimagunaan yang lebih meluas dalam industri. Inisiatif domestik utama termasuk Dana Perkongsian Risiko (i-CITA) untuk mempromosikan pembiayaan perkongsian risiko serta peluasan

JADUAL 4.6. *Perbankan Islam: Penunjuk Utama, Akhir Julai 2025 dan 2026*

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2025	2026	2025	2026
Aset	**1,270.0**	**1,364.1**	***9.4***	***7.4***
Pembiayaan	**997.7**	**1,076.4**	***8.0***	***7.9***
Pertanian primer	18.4	11.9	*-9.5*	*-35.5*
Perlombongan dan kuari	3.4	3.1	*12.3*	*-10.6*
Pembuatan	39.1	45.9	*3.6*	*17.3*
Bekalan elektrik, gas dan air	9.3	13.0	*36.1*	*40.2*
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	67.0	67.1	*7.4*	*0.2*
Pembinaan	37.6	39.7	*-21.7*	*5.8*
Hartanah	40.8	54.5	*5.5*	*33.6*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	29.1	34.1	*15.1*	*17.0*
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	74.1	76.4	*43.0*	*3.1*
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	8.2	8.3	*-4.2*	*1.9*
Isi rumah	633.7	678.9	*8.6*	*7.1*
Lain-lain	37.1	42.3	*-2.5*	*14.1*
Liabiliti	**1,175.0**	**1,265.0**	***9.4***	***7.7***
Deposit	**908.1**	**963.6**	***8.0***	***6.1***
Pelaburan	0.2	0.2	*-8.6*	*-10.5*
Tabungan	79.6	84.8	*3.4*	*6.6*
Permintaan	173.5	192.5	*16.2*	*10.9*
Lain-lain	654.8	686.1	*6.6*	*4.8*
Akaun Pelaburan	**182.4**	**202.2**	***15.9***	***10.8***

Nota: Data penunjuk utama bagi perbankan Islam tidak termasuk DFI. Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

inisiatif kewangan sosial melangkaui iTEKAD Keusahawanan dengan merangkumi iTEKAD Perlindungan dan iTEKAD Kerjaya. Peluasan inisiatif tersebut bertujuan meningkatkan akses kepada perlindungan takaful sosial yang mampu milik serta menyokong komuniti rentan

[4] Angka Perbankan Islam tidak termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)

melalui pembangunan kapasiti, sokongan kebolehpasaran dan bimbingan pengurusan kewangan. Pada peringkat antarabangsa, Malaysia memperkukuh kepimpinan melalui pengurusan industri, pembangunan kapasiti, kerjasama syariah dan perkongsian bersasar. Usaha ini terus disokong oleh penubuhan Panel Penasihat Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC) pada Jun 2026. Dalam pasaran kewangan Islam, Malaysia sedang beralih daripada KLIBOR kepada Kadar Semalaman Malaysia (MYOR) dan Kadar Semalaman Islam Malaysia (MYOR-i) dengan KLIBOR akan ditamatkan berkuat kuasa 1 Januari 2029. Selain itu, MYOR-i akan menjadi penanda aras untuk produk kewangan Islam baharu mulai separuh kedua 2027 sekali gus meningkatkan ketelusan dan kebolehpercayaan serta memupuk ekosistem kewangan patuh syariah yang kukuh.

Pasaran modal Islam (ICM) merupakan komponen utama sistem kewangan Malaysia disokong oleh rangka kerja tadbir urus syariah yang kukuh serta pelbagai instrumen pelaburan. Pada akhir 2025, jumlah saiz keseluruhan ICM mencapai RM2.75 trilion atau 63.7% daripada pasaran modal Malaysia dengan sukuk dan ekuiti patuh syariah sebagai komponen utama. Di samping itu, ICM terus berkembang melalui inovasi produk, pendigitalan dan kewangan Islam berteraskan matlamat sekali gus memperkukuh peranan dalam mobilisasi modal untuk pembangunan ekonomi yang mampan serta outcome sosial yang positif.


Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran sukuk global dengan sekitar 29% daripada jumlah sukuk global terkumpul pada akhir Julai 2026. Sukuk terkumpul di pasaran domestik mencecah RM1,490.5 bilion atau 63.3% daripada jumlah keseluruhan bon dan sukuk negara. Jumlah terbitan sukuk meningkat sebanyak 22.4% kepada RM175.5 bilion berbanding tempoh sama pada 2025 sekali gus menunjukkan aktiviti pemerolehan dana berasaskan pasaran yang berterusan. Pasaran sukuk tempatan terus berperanan sebagai saluran penting bagi mobilisasi modal disokong oleh penyertaan pelabur yang pelbagai serta ekosistem kewangan Islam yang pesat membangun.

Pada Julai 2026, Malaysia berjaya menerbitkan Sukuk Global bernilai USD1.5 bilion dengan permintaan pelabur yang kukuh sehingga mencatat lebihan langganan sebanyak 4.7 kali. Sambutan pasaran yang menggalakkan telah membolehkan terbitan Sukuk berdaulat Malaysia berdenominasi dolar AS mencatat spread terendah dalam sejarah sekali gus membuktikan keyakinan pelabur global yang teguh terhadap asas makroekonomi Malaysia, disiplin fiskal yang berhemat serta ICM yang maju. Terbitan ini seterusnya memperkukuh akses Malaysia kepada pasaran modal antarabangsa di samping mewujudkan penanda aras harga bagi terbitan luar pesisir oleh penerbit Malaysia termasuk syarikat berkaitan kerajaan dan penerbit korporat yang berhasrat meneroka pembiayaan luar pesisir.

Sehingga akhir Julai 2026, sebanyak 80.7% daripada 1,111 syarikat tersenarai di Bursa Malaysia merupakan syarikat patuh syariah dengan permodalan pasaran berjumlah RM1,411.9 bilion atau bersamaan 65% daripada keseluruhan jumlah permodalan pasaran. Ekuiti patuh syariah tertumpu terutamanya dalam sektor produk dan perkhidmatan industri (30%), produk dan perkhidmatan pengguna (21%) serta teknologi (11%) sekali gus memberi pelabur pendedahan yang luas merentas segmen utama dalam ekonomi.

Melalui kemajuan dalam inovasi dan pendigitalan, ICM turut membuka peluang baharu bagi pembangunan pasaran termasuk penyelesaian berasaskan syariah. Nota Panduan Maqasid Al-Syariah bagi sukuk menggalakkan penerbit dan pelabur memberikan tumpuan yang melangkaui aspek teknikal pematuhan syariah serta mengambil

RAJAH 4.10. *Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)*



[1] Lain-lain termasuk Afrika Selatan, AS, Bahrain, Bangladesh, Brunei Darussalam, Gambia, Hong Kong, Ireland, Ivory Coast, Jordan, Kuwait, Luxembourg, Maghribi, Maldives, Mesir, Nigeria, Oman, Perancis, Qatar, Senegal, Singapura dan UK

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran
Sumber: Bank Negara Malaysia

kira impak sosioekonomi pembiayaan secara meluas. Aspek tersebut termasuk mencipta nilai ekonomi, menyokong kesejahteraan sosial serta menggalakkan outcome pelaburan yang bertanggungjawab. Di samping itu, pelancaran sukuk bertoken pertama Malaysia menandakan pencapaian penting dengan memanfaatkan teknologi digital bagi pasaran sukuk yang berpotensi meningkatkan kecekapan operasi dan ketelusan pasaran serta memperluas kebolehcapaian pelabur.

Melangkah ke hadapan, ICM dijangka kekal menjadi sumber pembiayaan dan pelaburan yang penting didorong oleh permintaan berterusan terhadap penyelesaian pelaburan patuh syariah dan mampan. Usaha berterusan untuk memperluas asas pelabur, memperkukuh hubungan kewangan serantau serta mempertingkatkan akses kepada pasaran modal antarabangsa menerusi rangka kerja sukuk mampan baharu yang bakal diperkenalkan akan terus memangkin perkembangan pasaran. Seiring dengan inisiatif strategik di bawah CMP, perkembangan tersebut dijangka meningkatkan daya saing Malaysia pada peringkat global serta memperkukuh peranan sebagai peneraju dalam hab ICM antarabangsa.

Kesimpulan

Ekosistem kewangan Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dan menyokong aktiviti ekonomi dengan sistem perbankan dan pasaran modal memainkan peranan yang berterusan dalam memenuhi keperluan pembiayaan. Pengantaraan kewangan akan terus menyokong isi rumah dan perniagaan melalui Pelan Sektor Kewangan 2027 – 2030 yang bakal diperkenalkan serta inisiatif di bawah Pelan Induk Pasaran Modal 2026 – 2030 yang menyediakan hala tuju dasar secara holistik. Justeru, pembaharuan berterusan, penyertaan pelabur yang meluas serta kepelbagaian sumber pendanaan akan terus memperkukuh sistem kewangan.

Rujukan

Bank Negara Malaysia. (2026a). *Buletin suku tahunan suku kedua 2026*. https://www.bnm.gov.my/documents/20124/22398807/qb26q2_bm_book.pdf

Bank Negara Malaysia. (2026b). *Laporan tahunan BNM 2025*. https://www.bnm.gov.my/publications/ar2025

Bank Negara Malaysia. (2026c). *Sorotan dan statistik bulanan Julai 2026*. https://amlcft.bnm.gov.my/web/guest/-/sorotan-statistik-bulanan-untuk-julai-2026

Bank Negara Malaysia. (2026d). *Tinjauan ekonomi & monetari 2025*. https://www.bnm.gov.my/publications/emr2025

Bank Negara Malaysia. (2026e, Mac 31). *Tinjauan kestabilan kewangan, separuh kedua 2025*. https://www.bnm.gov.my/publications/fsr/index

Bank Negara Malaysia. (2026f, Julai 28). *Sasana Symposium 2026 menekankan pembaharuan sebagai faktor utama pembinaan daya tahan dalam mengharungi arus ketidakpastian global* [Siaran media]. https://www.bnm.gov.my/-/ss2026-pr-bm

Bursa Malaysia. (2026a, Januari 12). *Bursa Malaysia's first ever quality factor indexes showcase companies with strong financial characteristics* [Siaran media]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/69645363e6414aed65bcc866/files/120126_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_s_FIRST_EVER_QUALITY_FACTOR_INDEXES_SHOWCASE_COMPANIES_WITH_STRONG_FINANCIAL_CHARACTERISTICS.pdf

Bursa Malaysia. (2026b, Mac 27). *Bursa Malaysia and HKEX launch HKEX Bursa Malaysia Large Cap Index, marking a new chapter in regional capital market collaboration* [Siaran media]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/69c64cddcd34aa34e13fcfa4/files/270326_MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_AND_HKEX_LAUNCH_HKEX_BURSA_MALAYSIA_LARGE_CAP_INDEX__MARKING_A_NEW_CHAPTER_IN_REGIONAL_CAPITAL_MARKET_COLLABORATION.pdf

Bursa Malaysia. (2026c, April 6). *Equities trading data reclassification takes effect on 6 April 2026* [Siaran media]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/69d37d05e6414a7b4398f95f/files/060426_MEDIA_RELEASE_EQUITIES_TRADING_DATA_RECLASSIFICATION_TAKES_EFFECT_ON_6_APRIL_2026.pdf

Bursa Malaysia. (2026d, Ogos 20). *Bursa Malaysia and FTSE Russell announce enhancements to FBMKLCI and FBM70 indices to reflect a broader, more diversified equity market* [Siaran media]. https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/6a86cb62e6414a7d1012e960/files/MEDIA_RELEASE_BURSA_MALAYSIA_AND_FTSE_RUSSELL_ANNOUNCE_ENHANCEMENTS_TO_FBM%20KLCI_AND_FBM70_INDICES_.pdf

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026a, Februari 12). *SC names Malaysia's first social exchange platform operator* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-names-malaysias-first-social-exchange-platform-operator

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026b, Mac 9). *Capital Market Masterplan 2026-2030*. https://www.sc.com.my/capital-market-masterplan

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026c, Mac 9). *Laporan tahunan SC 2025*. https://www.sc.com.my/bm/laporan-tahunan-2025

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026d, Mac 9). *SC perkenal Pelan Induk Pasaran Modal 2026–2030* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-perkenal-pelan-induk-pasaran-modal-2026-2030

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026e, Mac 16). *MyCIF perkenal Skim Ekonomi Perak baharu dan insentif perkongsian keuntungan berasaskan VC bagi memudahkan akses pembiayaan PMKS* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/mycif-perkenal-skim-ekonomi-perak-baharu-dan-insentif-perkongsian-keuntungan-berasaskan-vc-bagi-memudahkan-akses-pembiayaan-pmks

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026f, Mac 26). *SC launches ICM Innovation Lab to advance Maqasid al-Shariah-driven Islamic capital market innovation* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/sc-launches-icm-innovation-lab-to-advance-maqasid-al-shariah-driven-islamic-capital-market-innovation

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026g, April 20). *SC dan Bursa Malaysia perkenal Program MY Value Up* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-dan-bursa-malaysia-perkenal-program-my-value-up

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026h, April 28). *Khazanah terajui perintis sukuk yang ditokenkan pertama di Malaysia dengan kerjasama SC* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/khazanah-terajui-perintis-sukuk-yang-ditokenkan-pertama-di-malaysia-dengan-kerjasama-sc

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026i, Mei 25). *Bursa Sosial pertama Malaysia perkukuh akses kepada pembiayaan impak sosial* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/bursa-sosial-pertama-malaysia-perkukuh-akses-kepada-pembiayaan-impak-sosial

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026j, Mei 28). *Kajian segmen pasaran SC perkukuh rangka kerja pasaran awam* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/kajian-segmen-pasaran-sc-perkukuh-rangka-kerja-pasaran-awam

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026k, Julai 21). *NIMP CoSIF expands digitalisation support with new Smart Manufacturing Scheme* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/resources/media/media-release/nimp-cosif-expands-digitalisation-support-with-new-smart-manufacturing-scheme

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2026l, Julai 23). *SC dan Hong Kong SFC meterai MoU bagi memperkukuh kerjasama dan ketersambungan pasaran modal* [Siaran media]. https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/siaran-akhbar/sc-dan-hong-kong-sfc-meterai-mou-bagi-memperkukuh-kerjasama-dan-ketersambungan-pasaran-modal